

Lulusan ijazah kejuruteraan Malaysia layak kerja di 24 negara

Berita Harian (Nasional) 19/6/24

Program diiktiraf EAC kini setanding dengan profesional peringkat global

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lulusan ijazah kejuruteraan yang diiktiraf Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) menerima berita baik apabila dibenarkan mereka berkhidmat di negara yang menandatangani 'Washington Accord' (WA).

Ia berikutan keputusan Perikatan Kejuruteraan Antarabangsa (IEA).

WA adalah perjanjian antarabangsa ditandatangani lembaga akreditasi pendidikan tinggi teknik yang bergabung dalam IEA.

Antara negara menandatangani WA adalah Australia, Kanada, China, Hong Kong, United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS).

Selain itu, Bangladesh, Taiwan, Costa Rica, India, Indonesia, Ireland, Jepun, Korea, Mexico, New Zealand, Pakistan, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Afrika Selatan, Sri Lanka dan Turki.

Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) memaklumkan, program ijazah kejuruteraan yang diiktiraf oleh EAC kini setara dengan semua 24 penandatanganan penuh WA, sekali gus melayakkan jurutera dari negara ini menjalankan amalan kejuruteraan di negara penandatanganan WA, tertakluk syarat pelesenan tempatan.

"Keputusan ini dibuat pada Mesyuarat IEA yang diadakan di New Delhi, India pada 13 Jun lalu. Ini satu pencapaian penting bagi profesion kejuruteraan negara selaras dengan persediaan Malaysia menjadi hab pendidikan global," menurut kenyataan LJM semalam.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat berkenaan diketuai Presiden LJM, Datuk Ahmad Redza Ghulam Rasool.

"LJM sentiasa memastikan profesional kejuruteraan Malaysia setanding dengan profesional kejuruteraan di peringkat



Program ijazah kejuruteraan yang diiktiraf oleh EAC kini setara dengan semua 24 penandatanganan penuh WA.

(Foto hiasan)

antarabangsa," menurut LJM dan memaklumkan Malaysia melalui EAC mula diterima sebagai penandatanganan penuh WA pada 18 Jun 2009.

Lulus enam tahun lagi

Terbaru, LJM memaklumkan, status Malaysia sebagai penandatanganan penuh WA diluluskan

untuk tempoh enam tahun lagi bermula bulan ini.

"LJM tertakluk kepada semakan berkala yang bertujuan memastikan kelayakan ijazah sarjana muda kejuruteraan Malaysia memenuhi standard dan tanda aras antarabangsa," menurut kenyataan itu.

Semakan berkala terbaru di-

buat pada 24 Februari hingga 5 Mac tahun lalu oleh pasukan pakar antarabangsa dari negara penandatanganan WA lain, antaranya memantau proses akreditasi EAC di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Sungai Long.

BH dimaklumkan oleh LJM, setakat Jun 2024 sebanyak 251 program ijazah kejuruteraan mendapat pengiktirafan daripada EAC.

Program berkenaan mem-babitkan 53 institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara ini. Antara IPT berkenaan adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang, UiTM Shah Alam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Pahang, Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Kampus Pekan, UMPSA Kampus Gambang, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).